



# MALAM PENDIDIKAN

Persatuan Mahasiswa/i Sekolah Pendidikan dan Pembangunan sosial (pGURU) telah berjaya menganjurkan Malam Pendidikan 2009 bertempat di 1 Borneo Ballroom pada 28 Mac 2009. Majlis yang bertemakan 'Pesona Budaya Warisan Bangsa', merupakan malam kemuncak bagi memberi penghargaan dan pengiktirafan kepada mahasiswa/i SPPS yang telah menunjukkan pencapaian cemerlang dalam bidang akademik. Majlis ini telah dimeriahkan lagi dengan kehadiran Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar & Alumni, Prof. Dr. Amran Ahmed, Timbalan Dekan Akademik dan Hal Ehwal Pelajar, Prof. Madya Dr. Mohd. Yusof Abdullah, pensyarah dan staf pentadbiran SPPS.

Pelbagai acara telah berlangsung sepanjang majlis, antaranya penyampaian Anugerah Dekan, Anugerah Pelajar Terbaik Program, cabutan bertuah dan persembahan kebudayaan yang berwarna-warni dari pelbagai suku kaum. Timbalan Naib Canselor dalam ucapan perasmian majlis mengucapkan tahniah di atas kecemerlangan mahasiswa/i dalam bidang akademik, selain menyarankan mahasiswa agar bukan sahaja meningkatkan kecemerlangan dalam bidang akademik malahan dalam bidang lain yang mampu memberi kebanggaan kepada UMS. Majlis diakhiri dengan pengumuman 'King & Queen of Madik 2009' yang telah berjaya menceriakan suasana.